

14 AUG 1997

Najib-Zamalah

NAJIB DIANUGERAHKAN ZAMALAH KEHORMAT INSTITUT LIMKOKWING

PETALING JAYA, 14 Ogos (Bernama) -- Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini dianugerahkan zamalah kehormat pertama Institut Teknologi Kreatif Limkokwing (LICT).

Penganugerahan itu sebagai pengiktirafan terhadap sumbangan dan pencapaian cemerlang beliau dalam pembangunan pendidikan dan sumber manusia.

Najib menerima anugerah yang disampaikan oleh Penasihat Khas LICT Tan Sri Ghazalie Shafie. Turut hadir pada majlis yang diadakan di bangunan baru LICT itu di sini ialah Presiden LICT Tan Sri Lim Kok Wing, Gabenor LICT Mokhzani Mahathir dan Pengarah Eksekutif LICT Puan Sri Tessie Lim.

Najib dalam ucapannya berkata anugerah itu turut merupakan pengiktirafan terhadap sumbangan pegawai dan guru-guru Kementerian Pendidikan.

Katanya kerajaan sentiasa memberikan penekanan terhadap pembangunan sistem pendidikan yang menuju ke arah mewujudkan masyarakat bersatu padu, harmoni dan progresif dan menyediakan pendidikan untuk semua.

"Kita harus memastikan tenaga manusia kita mampu menghadapi cabaran-cabaran pada abad akan datang. Tambahan pula pendidikan merupakan agenda bagi kurun akan datang berbanding faktor-faktor pengeluaran lain.

Najib berkata kementerian telah mengadakan reformasi sistem pendidikan komprehensif yang merupakan satu perubahan sistematik dan menyeluruh untuk mewujudkan modal tenaga manusia yang bebar-benar diperlukan untuk mencapai aspirasi negara yang maju dan makmur.

Dunia kini yang beralih daripada sebuah masyarakat perindustrian kepada teknologi maklumat mempunyai implikasi hebat bagi pendidikan dan memerlukan perubahan asas yang besar terhadap proses pengajaran dan pembelajaran.

Katanya pengwujudan sekolah bestari di bawah aplikasi perdana Koridor Raya Multimedia (MSC) merupakan sebahagian daripada perubahan pendidikan untuk mewujudkan pelajar yang berfikiran lebih matang dan kreatif.

Najib berkata beliau gembira LICT telah menyambut baik saranan dalam membangunkan pendidikan kreatif dengan menubuhkan institut itu dan menyediakan pendidikan yang diperlukan dalam dunia kreatif ini.

"Kita boleh mempunyai semua input teknikal bagi setiap produk tetapi ia harus direkabentuk dengan baik untuk diterima di pasaran," katanya.

Rekabentuk, rekabentuk industri dan lukisan kreatif merupakan antara bidang kreativiti yang penting bagi produk negara untuk dibawa ke depan, katanya. -- BERNAMA

HS RON